

Ekonomi serantau diunjur berdaya tahan

BH 6/10

← Dari Ms.B1

Yang turut serta pada sidang video berkenaan ialah Pegawai Kanan Komunikasi Bank Dunia, Dini Djalal.

Shetty berkata, pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka perlahan kepada 4.2 peratus tahun ini daripada 5 peratus tahun lalu, dengan minyak dan eksport perkilangan terjejas disebabkan permintaan global yang kekal lemah.

Mengenai pertumbuhan perlahan ekonomi AS, Shetty berkata, ia akan memberi kesan kepada rakan dagang termasuk Malaysia, namun Bank Dunia menjangkakan ekonomi utama dunia itu mengukuh tahun depan.

"AS berbeza kerana memiliki hubungan dagang dengan negara di rantau ini berbanding United Kingdom, di mana kita dapat lihat kesan Brexit pada peringkat awalnya amat minimum," katanya.

Berdaya tahan

Sementara itu, mengikut unjuran terkini Bank Dunia, pertumbuhan di rantau ini dijangka berdaya tahan dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Ekonomi China dijangka tumbuh kepada 6.5 peratus tahun depan dan 6.3 peratus 2018 berbanding 6.7 peratus tahun ini.

Bank Dunia turut mengunjurkan pertumbuhan ekonomi Asia Timur kekal stabil pada 4.8 peratus pada 2016 sebelum melonjak kepada 5.0 peratus pada 2017 dan 5.1 peratus (2018).

"Walaupun prospek pertumbuhan menggalakkan di rantau ini bergantung kepada risiko, ketidaktentuan ini membuatkan penggubal dasar secara kritikal mengurangkan ketidakseimbangan fiskal dan kewangan yang wujud dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini," tambah Shetty.